

KAJIAN PASARAN PENAWARAN PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN OPERASI PERUNCITAN MODE WORK BASED LEARNING (WBL), POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR

MARKET STUDY ON THE OFFERING OF THE DIPLOMA IN RETAIL OPERATION MANAGEMENT PROGRAM IN WORK-BASED LEARNING (WBL) MODE, POLITEKNIK METRO KUALA LUMPUR

Azura Binti Mohd Salleh¹
Hamidah Nur Binti Ahmad Hamidi²

¹ Politeknik METrO Kuala Lumpur, 54200 Kuala Lumpur, Malaysia (E-mail: azura_salleh@pmkl.edu.my)

² Politeknik METrO Kuala Lumpur, 54200 Kuala Lumpur, Malaysia (E-mail: hamidahnur@pmkl.edu.my)

Article history

Received date : 15-2-2025
Revised date : 16-2-2025
Accepted date : 24-3-2025
Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Azura, B. M. S., & Hamidah Nur, A. H. (2025). Kajian pasaran penawaran Program Diploma Pengurusan Operasi Peruncitan mode Work-Based Learning (WBL), Politeknik METrO Kuala Lumpur. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 463-473.

Abstrak: Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan satu saluran untuk memproses dan menghasilkan tenaga mahir tempatan, malahan juga sebagai enjin pembangunan negara. Ia juga merupakan salah satu matlamat utama negara menjelang tahun 2025. Program TVET diperkasakan secara berkala mengikut jadual akreditasi yang ditetapkan. Kajian ini dijalankan berpanduan Prosedur Operasi Standard (SOP) penawaran program dan garis panduan analisis keperluan program. Matlamat utama kajian ini adalah untuk menilai program Diploma Pengurusan Operasi Peruncitan Mod Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL) di Politeknik METrO Kuala Lumpur, khususnya dari segi kesesuaian kandungan teori dan praktikal, serta keselarasan dengan permintaan industri peruncitan. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran yang menggabungkan metodologi kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul maklum balas yang lengkap melalui soal selidik dan soalan terbuka. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif, dan keputusan dipaparkan dalam bentuk taburan frekuensi, jadual, dan rajah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa program ini mendapat permintaan yang tinggi, dengan kandungan teori dan praktikal yang signifikan, serta berpotensi melahirkan graduan yang sangat berkecekapan dan mampu memenuhi keperluan industri peruncitan dengan berkesan.

Kata Kunci: Pembelajaran Berasaskan Kerja, TVET, Pengurusan Operasi Peruncitan, Kebolehpasaran Graduan.

Abstract: *Technical and Vocational Education and Training (TVET) is a pathway for developing skilled local labor and serves as an engine for national development. It is also one of the primary goals for the country by 2025. The TVET program is periodically strengthened according to a set accreditation schedule. This study follows the Standard Operating Procedures (SOP) for program offerings and program needs analysis guidelines. The main objective of this study is to evaluate the Diploma in Retail Operations Management Work-Based Learning (WBL) mode at Politeknik METrO Kuala Lumpur, focusing particularly on the suitability of theoretical and practical content and alignment with retail industry demands. The study employs a mixed-method approach, combining quantitative and qualitative methodologies to gather comprehensive feedback through questionnaires and open-ended questions. The data collected are analyzed descriptively, with results displayed in frequency distributions, tables, and diagrams. Findings show that the program is in high demand, with significant theoretical and practical content, and has the potential to produce highly qualified graduates capable of effectively meeting retail industry requirements*

Keywords: *Work-Based Learning, TVET, Retail Operation Management, Graduate employability.*

Pengenalan

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kepentingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah berbeza dikebanyakan negara maju yang menganggap TVET sebagai salah satu agenda utama pendidikan. Tidak ketinggalan TVET telah mendapat perhatian yang meningkat di Malaysia, terutama dalam konteks pembangunan tenaga kerja. Menurut Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, TVET memainkan peranan penting dalam mempersiapkan individu untuk memenuhi permintaan pasaran kerja yang cepat berubah, terutamanya dengan peningkatan teknologi Industri 4.0. Beliau menyatakan, "TVET adalah penting untuk membekalkan golongan muda kita dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam industri moden" (Zahid Hamidi, 2023). Ini menekankan komitmen kerajaan Malaysia untuk memastikan program TVET selaras dengan keperluan industri dan mempromosikan kebolehpasaran yang tinggi dalam kalangan graduan. Selain itu, Kementerian Dalam Negeri telah menekankan kepentingan kerjasama antara institusi pendidikan dan industri untuk meningkatkan kualiti tawaran TVET. Seperti yang dinyatakan dalam kenyataan akhbar baru-baru ini, "Menguatkan perkongsian dengan sektor swasta bukan sahaja akan memperbaiki kurikulum tetapi juga memastikan graduan kita siap untuk memasuki dunia kerja" (Kementerian Dalam Negeri Malaysia, 2023). Pendekatan kolaboratif ini bertujuan untuk mengangkat status TVET di mata pelajar dan ibu bapa, menjadikannya sebagai laluan pilihan untuk pembangunan kerjaya. Dengan memupuk persekitaran yang menghargai kemahiran teknikal dan latihan vokasional, Malaysia bertujuan untuk mencipta tenaga kerja yang mantap yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi dan inovasi di masa depan.

Objektif Kajian

Kajian pasaran bagi program ini dilaksanakan adalah bertujuan mengenalpasti penawaran bidang pengurusan program Diploma Pengurusan Operasi Peruncitan di PMKL, mengenalpasti program Diploma Pengurusan Operasi Peruncitan yang menjadi permintaan dan mengenalpasti implikasi program Diploma Pengurusan Operasi Peruncitan yang ditawarkan di PMKL.

Literature Review

Pengenalan Dasar

Pembangunan Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL) adalah fokus berpaksikan pelajar yang merupakan intipati keutamaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT). Ini adalah selari dengan dengan salah satu dari 10 lonjakan digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu graduan TVET yang berkualiti di mana berusaha untuk melahirkan graduan yang seimbang, holistik, dan berfikiran keusahawanan. Ini bertujuan untuk membentuk graduan sebagai 'pencipta peluang pekerjaan', bukan sekadar 'pencari pekerjaan'. Selain itu, KPM juga ingin meletakkan program TVET setanding dengan program akademik, serta menggalakkan budaya pembelajaran sepanjang hayat di peringkat kebangsaan. Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) telah menjadi fokus utama dalam usaha untuk membangunkan tenaga kerja yang berkemahiran dan mampu memenuhi keperluan industri. Menurut Lee et al. (2020), TVET memainkan peranan penting dalam menyediakan individu dengan kemahiran praktikal yang diperlukan dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif. Mereka menekankan bahawa program TVET yang berkualiti bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran graduan tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Rentetan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) mendorong pertumbuhan ekonomi Malaysia dan mengubah cara pembelian dalam industri runcit oleh itu telah meningkatkan permintaan terhadap tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan dalam bidang ini. Industri runcit bukan sahaja menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara tetapi juga menyediakan peluang pekerjaan yang signifikan. TVET memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dan menyediakan tenaga kerja yang kompeten, seiring matlamat strategik Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi (Salleh & Sulaiman, 2020). Menurut Wan (2025), TVET telah menjadi tumpuan utama dalam pelan pembangunan sumber manusia negara bagi menyokong keperluan tenaga kerja yang dinamik dan bersifat masa depan. Industri ini memerlukan pemimpin yang cekap dan pekerja yang dinamik untuk menghadapi cabaran yang berterusan. Bagi menangani keperluan ini, institusi pendidikan telah bekerjasama dengan industri runcit untuk membangunkan kurikulum bagi program Diploma dalam Pengurusan Operasi Runcit, yang menggunakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL). Pendekatan ini memberikan pelajar pengalaman praktikal melalui kerjasama dengan rakan industri yang relevan, memastikan mereka memperoleh kemahiran praktikal di samping pengetahuan akademik.

Work-based Learning

Dalam konteks pengurusan operasi peruncitan, kajian oleh Wong dan Ahmad (2021) menunjukkan bahawa terdapat peningkatan permintaan untuk graduan yang terlatih dalam bidang ini. Mereka mendapati bahawa industri peruncitan memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga kemahiran insaniah seperti komunikasi dan kepimpinan. Ini menunjukkan bahawa program seperti Diploma Pengurusan Peruncitan di Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) adalah relevan dan perlu ditawarkan kepada pelajar. Tambahan pula, kajian oleh Rahman dan Zainuddin (2019) menggariskan bahawa penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan kerja (WBL) dalam program TVET dapat meningkatkan pemahaman pelajar mengenai situasi kerja sebenar. Melalui pendedahan langsung kepada industri, pelajar dapat memperoleh kemahiran praktikal yang sukar diperoleh melalui pembelajaran teori sahaja. Ini mengesahkan pendekatan PMKL yang menerapkan WBL dalam program Diploma Pengurusan Peruncitan dan Diploma Pengurusan Hotel. Berkaitan kajian meninjau kemampuan industri dalam menyediakan fasiliti untuk menempatkan pelajar

politeknik yang melaksanakan WBL, Nor Fadhilah Mohd Rashid et al. (2022) menyatakan bahawa hasil dapatan kajian menunjukkan perkaitan korelasi positif dan signifikan di antara Pembangunan Pelajar [PP] dengan Kemudahan Tempat Latihan [KTL], Teknologi [TEK] dan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja [KKP], yang menekankan bahawa kesediaan fasiliti daripada pihak industri adalah penting bagi politeknik untuk mencapai matlamat strategik mereka, terutamanya teras satu dan teras lima dalam Pelan Strategik Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Selain itu, pembangunan profesional tenaga pengajar merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan WBL dalam institusi TVET. Menurut Abd Wahab et al. (2024), guru TVET baharu memerlukan sokongan pembangunan profesional yang sistematik untuk mengukuhkan keberkesanan pengajaran berasaskan kerja.

Kebolehpasaran Graduan

Dalam konteks pengurusan operasi peruncitan, kajian oleh Wong dan Ahmad (2021) menunjukkan bahawa terdapat peningkatan permintaan untuk graduan yang terlatih dalam bidang ini. Mereka mendapati bahawa industri peruncitan memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga kemahiran insaniah seperti komunikasi dan kepimpinan. Ini menunjukkan bahawa program seperti Diploma Pengurusan Peruncitan di Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) adalah relevan dan perlu ditawarkan kepada pelajar. Tambahan pula, kajian oleh Rahman dan Zainuddin (2019) menggariskan bahawa penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan kerja (WBL) dalam program TVET dapat meningkatkan pemahaman pelajar mengenai situasi kerja sebenar. Pendekatan *teaching factory* telah terbukti meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pengalaman industri sebenar, seiring dengan konsep WBL yang digunakan dalam program PMKL (Ana, Rachmawati, & Ristanti, 2018). Melalui pendedahan langsung kepada industri, pelajar dapat memperoleh kemahiran praktikal yang sukar diperoleh melalui pembelajaran teori sahaja. Ini mengesahkan pendekatan PMKL yang menerapkan WBL dalam program Diploma Pengurusan Peruncitan dan Diploma Pengurusan Hotel. Tambahan pula, kemahiran insaniah seperti komunikasi berkesan adalah aspek penting yang menyokong kebolehpasaran pelajar TVET. Kajian oleh Farah Najwa et al. (2022) menekankan pentingnya pembangunan modul berasaskan gaya pembelajaran pelajar bagi memperkukuh kemahiran komunikasi mereka. Dalam konteks Revolusi Industri 4.0, pelajar WBL perlu dikuasai dengan kemahiran Employability 4.0 yang relevan dengan pasaran kerja. Nasreen et al. (2024) mendapati bahawa pelajar yang terlibat dalam WBL menunjukkan tahap kesediaan yang lebih tinggi dari segi kemahiran digital dan adaptasi teknologi.

Keperluan Industri

Satu kajian yang dilakukan oleh Ismail et al. (2022) juga menyoroti kepentingan kerjasama antara institusi pendidikan dan sektor swasta dalam merangka kurikulum TVET. Mereka mendapati bahawa kerjasama ini tidak hanya meningkatkan kualiti pendidikan tetapi juga memastikan graduan memenuhi keperluan industri. Hal ini penting dalam memastikan keberkesanan program pengajian dalam menghadapi cabaran pasaran kerja yang dinamik. Secara keseluruhan, literatur menunjukkan bahawa TVET dan program pengurusan operasi peruncitan mempunyai potensi yang besar untuk membantu pelajar membangunkan kemahiran yang diperlukan dalam industri. Dengan pelaksanaan program yang relevan dan berkesan, institusi pendidikan seperti PMKL dapat memainkan peranan penting dalam menghasilkan graduan yang berkemahiran dan memenuhi kehendak pasaran.

Metadologi Kajian

Pengenalan

Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan untuk mengumpul maklumat tentang kehendak dan keperluan pasaran dalam bidang pengurusan operasi peruncitan. Metodologi yang digunakan adalah seperti berikut:

Reka Bentuk Kajian

Soal selidik dibangunkan untuk menilai pelbagai aspek berkaitan kandungan dan kesesuaian program industri peruncitan, kebolehpasaran dan keterampilan graduan bagi Program DRO di PMKL. Selain itu, termasuk bahagian demografi responden seperti kategori responden dan jenis industri. Soalan-soalan yang dirangka mengandungi skala Likert dan soalan nominal untuk membolehkan responden memberi penilaian yang lebih terperinci.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data daripada responden. Instrumen soal selidik ini 3 bahagian iaitu kandungan program dan kesesuaian dengan keperluan semasa, bahagian 2 peluang kerjaya dan bahagian 3 adalah lain-lain berdasarkan kepada implikasi penawaran program DRO-WBL. Soalan likert digunakan bagi memperoleh maklumat balas responden. Terdapat juga penggunaan soalan terbuka bagi memberi kebebasan pandangan kepada responden dalam memberi maklumat. Instrumen kajian penawaran pasaran program DRO-WBL PMKL telah dilaksanakan pada Julai 2024 (Jabatan Perdagangan PMKL, 2024).

Persampelan

Persampelan dipilih secara purposif, yang terdiri daripada pelajar semasa, alumni, dan industri yang terlibat dalam sektor peruncitan. Populasi kajian juga melibatkan industri yang sedang menerima pelajar dan industri yang sedang berkolaborasi bersama PMKL. Pemilihan ini bertujuan untuk memastikan bahawa maklumat yang dikumpulkan adalah relevan dan memberikan pandangan yang berharga tentang keperluan industri.


Analisis Data

Setelah pengumpulan data selesai, analisis deskriptif akan dilakukan. Data kuantitatif akan dianalisis menggunakan statistik ringkasan seperti purata dan peratusan untuk memberikan gambaran keseluruhan mengenai maklumat yang diperolehi. Maklumat balas dari soalan terbuka akan dianalisis secara kualitatif untuk mengenal pasti tema dan pola yang relevan dalam konteks keperluan pasaran. Pengumpulan data dikumpul melalui Google Forms, yang membolehkan pengedaran soal selidik secara dalam talian. Soal selidik diedarkan kepada responden melalui e-mel dan platform media sosial untuk meningkatkan aksesibiliti. Tempoh pengumpulan data ditetapkan selama dua minggu untuk mendapatkan jumlah responden yang mencukupi.


Dapatan Kajian

Dapatan analisis akan dibentangkan dalam bentuk graf, carta, dan jadual untuk memudahkan pemahaman dan interpretasi. Laporan akhir akan merangkumi ringkasan keseluruhan mengenai keperluan dalam pengurusan operasi peruncitan, serta cadangan untuk penambahbaikan program di PMKL berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada responden. Soalan terbuka dipersembahkan melalui keadah pelaporan.

Objektif 1: Mengenalpasti penawaran bidang pengurusan program Diploma Pengurusan Operasi Peruncitan di PMKL.



Rajah 1: Kategori responden




Rajah 2: Jenis Industri


Rajah 1 menunjukkan sebanyak 14 orang (21.2%) adalah terdiri daripada industri yang menerima pelajar DRO WBL. Manakala sebanyak 5 orang (7.6%) adalah terdiri daripada industri yang berkolaborasi dengan PMKL. Sebanyak 26 orang (39.4%) adalah terdiri daripada Alumni dan sebanyak 21 orang (31.8%) adalah terdiri daripada pelajar semasa PMKL.

Rajah 2 menunjukkan jenis-jenis industri yang terlibat dalam kajian. Sebanyak 19 orang responden (28.8%) daripada industri milik tempatan. Manakala sebanyak 11 responden (16.7%) daripada industri milik antarabangsa. Sebanyak 36 orang responden (54.5%) daripada PMKL.

Objektif 2: Mengenalpasti program Diploma Pengurusan Operasi Peruncitan yang menjadi permintaan.




Rajah 3: Asas-asas teori dalam bidang.




Rajah 4: Asas- asas Teknikal

Rajah 3 menunjukkan seramai 18 orang (27.3%) responden bersetuju mengatakan bahawa program DRO-WBL yang ditawarkan memenuhi sebahagian asas-asas teori dalam bidang. Manakala seramai 48 orang (72.7%) responden mengatakan memenuhi sepenuhnya asas-asas teori dalam bidang. Rajah 4 menunjukkan seramai 19 orang (28.8%) memenuhi sebahagian asas-asas teknikal dalam bidang. Manakala 47 orang (71.2%) mengatakan bahawa ia nye memenuhi sepenuhnya asas-asas teknikal dalam bidang.




Rajah 5: Keperluan asas Industri Terkini




Rajah 6: Jangka Masa

Rajah 5 menunjukkan bahawa seramai 65 orang (98.5%) bersetuju mengatakan bahawa program DRO ini sesuai ditawarkan dengan keperluan asas industri terkini. Manakala 1 orang (1.5%) mengatakan bahawa program DRO tidak sesuai dengan keperluan asas industri terkini. Rajah 6 menunjukkan bahawa seramai 65 orang responden (98.5%) bersetuju mengatakan bahawa jangka masa pengajian 1 tahun 6 bulan di kampus & 1 tahun di industri. Manakala 1 orang responden (1.5%) tidak bersetuju mengatakan bahawa jangka masa pengajian 1 tahun 6 bulan di kampus & 1 tahun di industri.




Rajah 7: kesesuai bekerja di industri




Rajah 8: Bilangan Jawatan

Rajah 7 menunjukkan seramai 63 orang responden (95.5%) bersetuju mengatakan bahawa graduan program DRO-WBL sesuai bekerja di industri yang berkaitan. Manakala seramai 3 orang responden (4.5%) tidak bersetuju mengatakan bahawa graduan program DRO-WBL sesuai bekerja di industri yang berkaitan. Rajah 8 menunjukkan 29 orang responden (43.9%) 1 hingga 3 jawatan yang sesuai diisi dalam industri oleh para graduan DRO-WBL. Seramai 26 orang responden (39.4%) mengatakan 4 hingga 6 jawatan yang sesuai diisi dalam industri oleh para graduan DRO-WBL. Seramai 8 orang responden (12.1%) mengatakan 7 hingga 9 jawatan yang sesuai diisi dalam industri oleh para graduan DRO-WBL. Manakala 3 orang responden (4.5%) mengatakan lain-lain bagi jawatan yang sesuai diisi dalam industri oleh para graduan DRO-WBL.




Rajah 9: Kadar Pendapatan




Rajah 10: Pilihan Tamat Pengajian

Rajah 9 menunjukkan kadar pendapatan yang sesuai ditawarkan kepada graduan DRO-WBL. Hasil maklumbalas seramai 9 orang responden (13.6%) menyatakan sekurang-kurangnya RM1500, 23 orang responden (34.8%) rm1501 hingga rm2000, 23 orang responden (34.8%) rm2001 hingga RM2500, 10 orang responden (15.2%) RM2501 hingga RM3000, Manakala 1 orang responden (1.5%) lain-lain kadar pendapatan yang sesuai ditawarkan kepada graduan DRO-WBL. Rajah 10 menunjukkan seramai 13 orang responden (19.7%) memberi maklumbalas akan terus bekerja di industri untuk mendapatkan pengalaman bekerja. Seramai 20 orang responden (30.3%) akan melanjutkan pelajaran di tahap ijazah. Seramai 32 orang responden (48.5%) memilih akan terus bekerja di industri dan pada masa yang sama menghadiri kursus-kursus profesional dan program pendidikan jarak jauh. Manakala 1 orang responden (1.5%) akan membuka perniagaan sendiri yang berkaitan dengan bidang.

Objektif 3: Mengenalpasti implikasi program Diploma Pengurusan Operasi Peruncitan yang ditawarkan di PMKL.




Rajah 11: Program berkualiti



Rajah 12: Kerelevanan permintaan program

Rajah 11 menunjukkan seramai 22 orang responden (33.3%) bersetuju bahawa penawaran kursus-kursus WBL bagi program DRO-WBL ini berkialiti daripada aspek teori dan praktikal dalam menyediakan graduan berketerampilan tinggi selari dengan keperluan industri semasa. Manakala seramai 24 orang responden (66.7%) bersetuju menyatakan penawaran kursus-kursus WBL bagi program DRO-WBL ini berkialiti daripada aspek teori dan praktikal dalam menyediakan graduan berketerampilan tinggi selari dengan keperluan industri semasa. Rajah 12 menunjukkan majoriti responden 98.5% bersetuju dan 1 orang responden (1.5%) tidak

bersetuju terhadap graduan DRO-WBL boleh menjadi permintaan oleh pihak industri tempoh 5 hingga 10 tahun.



Rajah 13: Galakkan

Rajah 13 menunjukkan responden memberikan galakan kepada kakitangan/ahli keluarga/rakan untuk memilih program DRO-WBL sebagai pilihan melanjutkan pelajaran peringkat pendidikan tinggi iaitu seramai 64 orang responden (97%) bersetuju manakala 2 orang responden (3%) tidak bersetuju.

Perbincangan, Kesimpulan Dan Cadangan

Politeknik METrO Kuala Lumpur merupakan politeknik ke 28 yang ditubuhkan di bawah pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi. Politeknik METrO Kuala Lumpur juga adalah Politeknik METrO pertama di Malaysia. Bermula dengan kampus sementara di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Politeknik METrO Kuala Lumpur telah berpindah ke kampus tetap di Setiawangsa, Kuala Lumpur pada 1 Julai 2011. Majlis Perasmian dan Pelancaran Politeknik METrO KPTM telah diadakan pada tanggal 21 Julai 2011 yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi pada masa itu, Dato' Sri Mohamed Khaled Bin Nordin. Politeknik METrO bermakna politeknik yang diwujudkan dibandar-bandar utama untuk keperluan komuniti setempat. Perkataan METrO ini bermaksud "Maximizing Education Training Opportunity". Terkini 3 program pengajian ditawarkan di PMKL iaitu Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM), Diploma Pengurusan Hotel (DHM) dan pelajar Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital). Keunikan program-program yang ditawarkan di Politeknik METrO Kuala Lumpur ialah proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara kaedah 'Work Based Learning' bagi program DRM dan DHM. Manakala bagi program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) menggunakan kaedah latihan industri. Kaedah WBL ini memberi pendedahan kepada pelajar dengan senario sebenar industri peruncitan dan perhotelan. Kelebihan WBL kepada para pelajar ini antaranya; Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang peruncitan dan perhotelan, memberi peluang latihan secara praktikal melalui latihan industri dengan hotel-hotel dan pasaraya-pasaraya terkemuka yang berpengalaman, di samping pelajar yang menamatkan program ini mampu untuk menjadi seorang graduan yang berkemahiran dan memenuhi kehendak pasaran.

Penawaran Bidang Pengajian

Hasil kajian mendapati penawaran program DRO- WBL dan kesesuaian ditawarkan di PMKL adalah tinggi iaitu 72.7% memenuhi asas-asas teori dan 71.2% memenuhi asas-asas teknikal dalam bidang pengurusan operasi peruncitan. Dapatan ini disokong oleh Wong dan Ahmad

(2021) menunjukkan bahawa terdapat peningkatan permintaan untuk graduan yang terlatih dalam bidang ini. Mereka mendapati bahawa industri peruncitan memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga kemahiran insaniah seperti komunikasi dan kepimpinan. Ia juga turut disokong oleh Lee et al. (2020), TVET memainkan peranan penting dalam menyediakan individu dengan kemahiran praktikal yang diperlukan dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif. Daripada hasil kajian juga menunjukkan bahawa 98.5% mengatakan bahawa program DRO-WBL sesuai ditawarkan kerana memenuhi kehendak asas industri terkini. Dapatan ini disokong oleh Rahman dan Zainuddin (2019) menggariskan bahawa penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan kerja (WBL) dalam program TVET dapat meningkatkan pemahaman pelajar mengenai situasi kerja sebenar. Melalui pendedahan langsung kepada industri, pelajar dapat memperoleh kemahiran praktikal yang sukar diperoleh melalui pembelajaran teori sahaja

Implikasi Penawaran Program

Hasil kajian mendapati Program DRO-WBL PMKL menjadi permintaan dalam kalangan pelajar dan juga industri iaitu 95.5% bersetuju mengatakan bahawa graduan program DRO-WBL sesuai bekerja di industri yang berkaitan. Sebanyak 43.9% iaitu merangkumi 1 hingga 3 jawatan dalam industri peruncitan yang sesuai kepada graduan program DRO-WBL. Manakala sebanyak 39.4% iaitu merangkumi 4 hingga 6 jawatan dalam industri peruncitan yang sesuai kepada graduan program DRO-WBL. Kesesuaian ini merangkumi jawatan seperti pembantu jualan, wakil khidmat pelanggan, penyelaraz stok, penjual visual, penolong pengurus kedai, kawalan inventori dan juga perancang barangan. Kadar pendapatan yang sesuai ditawarkan kepada graduan DHM-WBL adalah sebanyak 34.8% dengan anggaran pendapatan ringgit malaysia RM 1501 hingga RM 2500 sebulan. Hala tuju graduan DRO-WBL PMKL memilih untuk terus bekerja di industri perhotelan dengan respon sebanyak 68.2%. Ini menunjukkan kejayaan program DRO-WBL PMKL dimana permintaan dalam industri peruncitan amat memuaskan. Hasil kerjasama bersama industri peruncitan menerusi LOI telah membantu penawaran pelajar bekerja dalam bidang peruncitan. Ismail et al. (2022) juga menyoroti kepentingan kerjasama antara institusi pendidikan dan sektor swasta dalam merangka kurikulum TVET. Mereka mendapati bahawa kerjasama ini tidak hanya meningkatkan kualiti pendidikan tetapi juga memastikan graduan memenuhi keperluan industri. Hal ini penting dalam memastikan keberkesanan program pengajian dalam menghadapi cabaran pasaran kerja yang dinamik.

Kesimpulan

Hasil kajian penawaran program DRO-WBL di PMKL menunjukkan bahawa kandungan kurikulum secara teori dan asas-asas praktikal program ini adalah relevan dan diterima serta ditawarkan kerana permintaan yang tinggi dalam program TVET Politeknik dan Kolej Komuniti di Malaysia. Program ini relevan dalam menyumbang kepada penghasilan graduan TVET berkualiti selari dengan lonjakan 4 Pelan Strategik TVET 2021-2025 iaitu penglibatan industri secara berstruktur melibatkan semua pelajar. Penawaran program ini juga dapat membantu industri Peruncitan untuk mendapatkan individu yang memiliki kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan ciri-ciri peribadi yang sesuai atau diperlukan untuk mengisi sesuatu peranan atau perkerja yang baik. Mod WBL ini membantu politeknik mencapai objektif strategi bagi menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Oleh demikian, program ini harus diteruskan pada masa akan datang dalam membantu negara memperoleh pekerja separa mahir TVET yang berkualiti dalam bidang serta memiliki kemahiran insaniah yang tinggi.

Cadangan

Berdasarkan kajian keperluan program mendapati Program Diploma Pengurusan Pengurusan Operasi Peruncitan (DRO) yang dilaksanakan menerusi Mod Work-Based Learning (WBL) wajar di teruskan penawaran di Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL).

Rujukan

- Abd Wahab, N., Saad, N. S. M., & Salleh, S. (2024). Professional development for novice TVET teachers: A systematic review. ResearchGate. <https://www.researchgate.net/publication/386450266>
- Ana, A. R., Rachmawati, Y., & Ristanti, R. (2018). Work-based learning-teaching factory in Indonesia as a model to enhance employability skills. *TVET@Asia*, (13). <https://tvet-online.asia/13/ana-et-al-2/>
- Farah Najwa, A. P., Zulkifli, N., & Jamilah, S. (2022). Needs analysis for module development of communication skills based on learning styles for vocational college students. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, 22(5), 35–45.
- International Labour Organization. (2021). Work-based learning (WBL) in TVET: A policy perspective. <https://www.ilo.org/media/368956/download>
- Ismail, A., Ahmad, R., & Zainuddin, M. (2022). Collaboration between educational institutions and industry in enhancing TVET curriculum. *Journal of Technical Education*, 15(3), 45–59.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Pelan Strategik TVET 2021–2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lee, H., Tan, S. K., & Yusof, M. (2020). The role of TVET in enhancing workforce skills. *International Journal of Vocational Education and Training Research*, 8(2), 123–135.
- Nasreen, F., Alias, M., Kamaruzaman, M. F., & Afiq, R. M. (2024). Identifying employability skills 4.0 from the perception of students' readiness in the work-based learning program. ResearchGate. <https://www.researchgate.net/publication/388707645>
- Nor Fadhilah, M. R., Yusri, M. Y., & Nurul, H. A. (2022). Kesiediaan fasiliti industri dalam pelaksanaan Work-Based Learning (WBL) bagi pelajar politeknik di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Teknikal dan Vokasional*, 7(1), 10–20.
- Politeknik METrO Kuala Lumpur. (2024). About us. Retrieved from <https://www.pmkl.edu.my/selayangpandang>
- Rahman, M. S., & Zainuddin, R. (2019). The impact of work-based learning on TVET students' employability. *Asian Journal of Education and Training*, 5(4), 310–316. <https://doi.org/10.20448/journal.522.2019.54.310.316>
- Salleh, M. S., & Sulaiman, N. (2020). The role of Technical and Vocational Education and Training (TVET) in nation building. *Journal of Technical Education and Training*, 12(1), 1–10.
- Wan, C. D. (2025). TVET in Malaysia's human resource development plans: Realities and game changers. *ISEAS Perspective*, (5). <https://www.iseas.edu.sg/articles-commentaries/iseas-perspective/2025-5>
- Wong, C. S., & Ahmad, F. (2021). Demand for retail management graduates in Malaysia: An industry perspective. *Journal of Retailing and Consumer Services*, 58, 102110. <https://doi.org/10.1016/j.jretconser.2020.102110>
- Zahid Hamidi. (2023, April). Address on the future of TVET in Malaysia. Kementerian Dalam Negeri Malaysia. <https://www.kln.gov.my/web/guest/-/official-visit-of-the-deputy-prime-minister-and-minister-of-rural-and-regional-development>